



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NILAI-NILAI MURNI DALAM TEKS PROSA KESUSASTERAAN TAMIL SPM 2016-2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SIVALINGAM P SEENIVASAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NILAI-NILAI MURNI DALAM TEKS PROSA PKESUSASTERAAN TAMIL
SPM 2016-2020

SIVALINGAM P SEENIVASAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA
(KESUSASTERAAN TAMIL)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Please tick (✓)

Project Paper

Masters by Research

Master by Mixed Mode

PhD

☒
☐
☐
☐

INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 20 day of Sept 2019

i. Student's Declaration:

I, SIVALINGAM P SEENIVASAN M20131000575 (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled NILAI - NILAI MURNI DALAM TEKS PROSA KESUSASTERAAN TAMIL SPM 2016-2020 is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.




Signature of the student

ii. Supervisor's Declaration:

I AP. DR. SAMIKRANU JABAMONEY (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled NILAI - NILAI MURNI DALAM TEKS PROSA KESUSASTERAAN TAMIL SPM 2016-2020 (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the Institute of Graduate Studies as a * partial/full fulfillment for the conferment of MASTER OF TAMIL LITERATURE (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

18/11/2019
Date


Signature of the Supervisor


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **NILAI-NILAI MURNI DALAM TEKS PROSA
KESUSASTERAAAN TAMIL SPM 2016-2020**

No. Matrik /Matric No.: **M20131000575**

Saya / I : **SIVALINGAM P SEENIVASAN**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: **20/9/2019**

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya merakamkan kesyukuran dan terima kasih kepada Tuhan yang membolehkan saya menyempurnakan tesis ini dengan penuh kesungguhan.

Terlebih dahulu, jutaan terima kasih saya rakamkan kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Samykanu Jabamoney Ishak Samuel atas bantuan dan bimbingan beliau tanpa mengira waktu dan masa. Segala nasihat dan motivasi yang diberikan oleh beliau telah mendorong saya dalam menyempurnakan tesis. Selain itu, saya juga ingin merakam terima kasih kepada barisan pensyarah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang telah membantu saya secara langsung dan tidak langsung dalam proses penyempurnaan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan di atas kerjasama yang padu dan kebenaran yang diberikan untuk menjalankan penyelidikan ini

Saya juga turut merakamkan penghargaan kepada ahli keluarga saya, ibu saya Pn. Alli Govindasamy, isteri saya Santhi Sivalingam dan adik En. Ananthan Seenivasan serta Sarawanan seenivasan atas sokongan yang berterusan, serta anak-anak saya Abhiraami Sivalingam, Ambhigai Sivalingam dan Ayishvariya Sivalingam yang sentiasa memberikan sokongan moral kepada saya dengan memahami situasi saya yang tidak dapat meluangkan masa bersama mereka. Selain itu, bantuan dan sokongan rakan-rakan saya turut saya hargai.

Akhirnya, saya ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan kajian tesis ini.

Sekian, Terima Kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti nilai-nilai murni serta menganalisis unsur pengajaran dalam teks prosa kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020 dan mengaitkan nilai-nilai murni dalam pembentukan sahsiah murid dalam kalangan pelajar. Kajian ini adalah sebuah kajian kepustakaan yang menggunakan kaedah analisis kandungan serta teori moral dipelopori oleh Lawrence Kohlberg dalam teks prosa kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020. Dapatan Kajian menunjukkan terdapat 23 nilai murni dalam teks *Agal Vilakku* dan 15 nilai murni dalam teks *Kavichakkaravarti*. Terdapat juga 10 unsur pengajaran dan 8 nilai murni dalam pembentukan sahsiah mulia dalam kalangan pelajar. Kesimpulannya, teks prosa kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020 mengandungi nilai-nilai murni dalam pembentukan sahsiah pelajar. Implikasinya, teks prosa kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020 boleh dijadikan sebagai panduan dalam pembentukan sahsiah pelajar.





MORALE VALUES IN TAMIL LITERATURE TEXTBOOKS SPM 2016-2020

ABSTRACT

This study is aimed to identify various moral values and analyse teaching elements contained in the prose texts of Tamil Literature SPM 2016-2020. The study associated those values and elements identified with the aspect of personality development among students. The study is based on qualitative research which has conducted content analysis with reference to the theory developed by Lawrence Kohlberg in prose texts of Tamil Literature SPM 2016-2020. According to the findings in this study, there are 23 moral values in *Agal Vilakku* and 15 moral values in *Kavichakkaravarti*. The study identified 10 teaching elements and 8 moral values which are related to the personality development among students. As a conclusion, these literatures of Tamil SPM 2016-2020 consists of various morals values that are deem important towards the personality development among students and it should be made as guidance in developing the personality of a student.



KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB 1	Pengenalan	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Soalan Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Batasan Kajian	13
1.8	Sumber Kajian	14
1.9	Definisi Konsep dan Operasional	15
	1.9.1 Nilai Murni	

1.10	Kesimpulan	18
------	------------	----

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Kajian-kajian terdahulu	20
	2.2.1 Sorotan Literasi Peringkat Doktor Falsafah	
	2.2.2 Sorotan Daripada Buku	
2.3	Kesimpulan	36

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
	3.2.1 Kaedah Kualitatif	
3.3	Kerangka Kajian	41
3.4	Kaedah Kajian	43
	3.4.1 Kaedah Analisis Teks	
	3.4.2 Kaedah Kajian Kepustakaan	
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	46
3.6	Teori Kajian	47
	3.6.1 Teori Moral	
3.7	Kerangka Teoritik dan Konseptual Kajian	50
3.8	Kesimpulan	53

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	54
4.2	Nilai -Nilai Murni yang terkandung dalam teks kesussasteraan Tamil SPM 2016-2020	55
4.2.1	Kepercayaan Kepada Tuhan	56
4.2.2	Nilai Amanah	58
4.2.3	Nilai Harga Diri	62
4.2.4	Nilai Bertanggungjawab	70
4.2.5	Nilai Hemah Tinggi	77
4.2.6	Nilai Toleransi	80
4.2.7	Nilai Berdikari	88
4.2.8	Nilai Kerajinan	99
4.2.9	Nilai Kasih Sayang	106
4.2.10	Nilai Keadilan	114
4.2.11	Nilai Rasional	123
4.2.12	Nilai Kesederhanaan	125
4.2.13	Kesimpulan	129
4.3	Unsur-Unsur Pengajaran Terdapat Dalam Teks Kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020, Novel <i>Agal Vilaku</i> Dan Drama <i>Kavicakravarti</i>	131
4.3.1	Kasih-engasihi Sesama Ahli Keluarga	132
4.3.2	Menyanjungi persahabatan yang baik	135
4.3.3	Kita haruslah Banyak membaca untuk menimba ilmu pengetahuan	138
4.3.4	Menjauhi diri daripada gejala sosial	140
4.3.5	Menjauhi amalan khurafat yang merugikan kita	141

4.3.6	Kita haruslah adil dalam tindakan kita	144
4.3.7	Kita harus mengikiskan sifat rendah diri	146
4.3.8	Kita haruslah nasihat-menasihati demi kebaikan sesama sendiri	148
4.3.9	Kita haruslah insaf akan kesalahan diri	149
4.3.10	Kita tidak harus melayan hasutan yang bersifat hasad dengki seseorang	151
4.3.11	Kesimpulan	154
4.4	Peranan Nilai-Nilai Murni Dalam Novel <i>Agal Vilaku</i> Dan Drama <i>Kavicakravarti</i> Dalam Pembentukan Sahsiah Mulia Dalam Kalangan Pelajar	155
4.4.1	Menyanjungi dan menghormarti anggota keluarga	157
4.4.2	Mencapai Matlamat Kehidupan	159
4.4.3	Berjaya Dalam Bidang Pelajaran	161
4.4.4	Memupuk Budaya Membaca	162
4.4.5	Menanam Sikap Bertanggngjawab Terhadap Keluarga	164
4.4.6	Menyanjungi Bahasa Ibunda Dan Tokoh-Tokoh Bahasa	166
4.4.7	Mengamalkan Sikap Rasional Ketika Membuat Sesuatu Keputusan	168
4.4.8	Memupuk Sikap Berani Menghadapi Sebarang Kegagalan	170
4.4.9	Kesimpulan	172
4.5	Kesimpulan	173

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	175
5.2	Perbincangan dan dapatan kajian	175
5.2.1	Nilai murni yang terkandung dalam teks kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020	176
5.2.2	Unsur Pengajaran Yang Terdapat Dalam Teks Kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020	182
5.2.3	Peranan Nilai-Nilai Murni Dalam Karya Novel Sastera Dalam Pembentukan Sahsiah Mulia Dalam Kalangan Pelajar	184
5.3	Cadangan Kajian Selanjutnya	186
5.4	Kesimpulan	189

RUJUKAN 191

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
4.1	Kepercayaan kpd Tuhan	56
4.2	Nilai Amanah	59
4.3	Nilai Harga diri	63
4.4	Nilai Bertanggungjawab	71
4.5	Nilai Hemah Tinggi	77
4.6	Nilai Toleransi	82
4.7	Nilai Berdikari	89
4.8	Nilai Kerajinan	100
4.9	Nilai Kasih sayang	107
4.10	Nilai Keadilan	115
4.11	Nilai Rasional	124
4.12	Nilai Kesederhanaan	127
4.13	Nilai Murni Mengikut Karya	130
4.14	Senarai Unsur-unsur Pengajaran	155
4.15	Tujuan Amalan Nilai Murni	172
5.1	Kekerapan Hadiran Nilai Murni Mengikut Bilangan Situasi	177
5.2	Senarai Unsur Pengajaran	182
5.3	Tujuan Amalan Nilai Murni	184



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Kerangka Kajian	42
3.2	Kerangka Teoritikal Kajian	51
3.3	Kerangka Konseptual Kajian	52





SENARAI SINGKATAN

KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPMSM	Sukatan Pendidikan Moral Sekolah Menengah





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Kebanyakan sarjana berpendapat bahawa kesusasteraan memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan insan dan negara. Mengikut Rahman Bujang (1997), kesusasteraan bersifat dinamik dan mampu mengubah corak pemikiran masyarakat. Mempelajari dan menghayati kesusasteraan ini sudah pasti dapat mengubah minda manusia yang bersifat jahil kepada yang berpengetahuan. Terdapat pelbagai karya kesusasteraan yang berbentuk fiksyen dan juga bukan fiksyen. Sebenarnya, pembaca boleh merasai kehidupan sebenar yang diketengahkan melalui karya-karya ini.





Dewasa ini, bidang kesasteraan semakin pesat berkembang, khususnya dalam bidang pendidikan. Semenjak kurun ke-18, bidang sastera moden telah mengalami perkembangan yang begitu pesat. Dalam konteks ini, perkembangan sastera Tamil klasik telah mula berkembang di India Selatan sejak sebelum Masihi lagi. Bidang sastera ini mempunyai identiti tersendiri kerana karya-karya sastera ini mencerminkan identiti dan pengenalan kepada sesuatu bangsa dan masyarakat.

Dalam kehidupan kita, aspek nilai-nilai murni adalah sangat penting dalam pembentukan seseorang manusia ke arah menjadi insan yang berakhlak tinggi. Oleh itu, pengkaji telah mengambil kira aspek-aspek nilai-nilai murni dalam hasil karya Tamil berjudul *Agal Vilakku* dan *Kavichakkaravarti* untuk melihat peranan nilai tersebut ke arah pembentukan sahsiah diri seseorang manusia, terutama pelajar.



Sahsiah yang unggul inilah mendorong manusia untuk berfikir dan bertindak ke arah kesempurnaan, kemajuan dan kebaikan diri.

1.2 Latar Belakang Kajian

Karya sastera merupakan bahan rujukan yang terawal yang digunakan secara rasmi untuk menggambarkan sejarah sesebuah masyarakat. Karya sastera tidak pernah lari daripada kehidupan manusia yang berkait rapat dengan sosiobudaya dan sejarah. Sebenarnya, perkembangan sastera moden bermula pada abad ke-18. Hasil karya sastera seperti novel, drama, cerpen dan puisi telah membuka ruang kepada wajah baru dalam kesusasteraan Tamil. Novel dan cerita dari negara Barat juga telah mula meresap sastera prosa tradisional lalu berkembang menjadi sastera moden.





Dalam konteks perkembangan pesat sastera moden ini, komponen-komponen sastera turut diterapkan dalam kesemua Sukatan Pelajaran Bahasa Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Tujuan utama penyerapan unsur-unsur kesusasteraan ini dalam pengajaran mata pelajaran bahasa adalah untuk memberi peluang kepada para pelajar menikmati keindahan sesuatu bahasa serta menghayati cara kehidupan seseorang insan yang mulia dan bahagia.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyerapkan komponen sastera, khasnya *ceiyul* (puisi tradisional) Tamil dalam mata pelajaran Bahasa Tamil KBSM. Pihak KPM memilih *ceiyul-ceiyul* kerana mengandungi nilai-nilai murni dan pengajaran yang tinggi bagi menjalani kehidupan mulia di samping berhasrat memperkenalkan kesusasteraan Tamil klasik kepada pelajar.

Tujuan pengajaran kesusasteraan Tamil di sekolah adalah untuk menanam nilai-nilai murni dalam diri pelajar-pelajar demi mewujudkan masyarakat yang bermoral tinggi. Sastera sangat penting bagi pelajar-pelajar, khususnya di peringkat menengah agar mereka dapat menghayati nilai-nilai murni dan moral yang harus diamalkan untuk menjalani kehidupan seharian mereka. Nilai-nilai ini adalah sangat diperlukan bagi melahirkan generasi yang bakal menerajui negara kita yang memperlihatkan ciri-ciri kerohanian dan moral. Sehubungan itu, *Agal Vilakku* dan *Kavichakkaravarti* telah dipilih sebagai teks kesusasteraan Tamil SPM untuk pelajar Tingkatan Empat dan Lima.





Agal Vilakku karya M.Varatharasan ialah sebuah novel sastera Tamil membawa tema akhlak yang mulia dan kemampuan memelihara perasaan menjadi asas kejayaan hidup. Selaras dengan tema ini, novel ini didapati termuat dengan banyak nilai moral yang boleh membantu membentuk keperibadian seseorang pembaca menjadi insan yang sempurna dalam kehidupannya. Novel *Agal Vilakku* mengisahkan kehidupan dua orang sahabat baik yang mengamalkan nilai setiakawan yang tinggi telah menuju ke arah kehidupan bertentangan kerana mempunyai pandangan yang berbeza terhadap akhlak. Namun, mereka tetap mengamalkan sikap tanggungjawab dan melahirkan perasaan kasih sayang yang luhur terhadap sesama sendiri yang boleh menjadi ikutan para pembaca dalam menjalinkan hubungan persahabatan setia dalam kehidupan masing-masing. Novel ini turut menyampaikan mesej bahawa kedudukan seseorang tidak akan tetap kekal dan menjamin kehidupan sejahtera pada masa depan sekiranya gagal memelihara sifat keperibadian. Di samping itu, novel ini turut membawa peringatan bahawa sifat kebijaksanaan dan kecekapan diri kita semasa alam persekolahan masih tidak akan tetap diwarisi apabila kita melangkah ke alam dewasa. Oleh sebab itu, kekurangan pada diri kita pada sesuatu boleh menjadi kekuatan kita pada masa depan.

Drama *Kavichakkaravarti* karya K.Azhagirisamy yang berlatarkan zaman feudal yang menggabungkan peristiwa-peristiwa sejarah pula membawa tema keunikan dan ketokohan seorang penyair. Drama ini mengisahkan sifat keunikan seorang penyair klasik bernama Kambar yang digelar sebagai Kavichakkaravarti (maharaja dunia syair). Beliau ialah seorang penyair tersohor, disegani dan disanjung semua raja dan golongan lain kerana memperlihatkan ketokohan yang luar biasa dan memiliki keunikan tersendiri dalam mencipta syair-syair klasik Tamil yang





termashyur di India Selatan. Kavichakkaravarti Kamar lebih menonjolkan sikap mengutamakan unsur-unsur kemanusiaan dan kemasyarakatan yang bertunjangkan prinsipnya, sastra untuk rakyat, iaitu sastra yang mengutamakan dan memuliakan rakyat. Pendekatan Kamar ini memang bertentangan pemikiran penyair zaman feudal yang mengutamakan dan mengagung-agungkan golongan bangsawan. Teks seumpama ini juga boleh sedikit sebanyak memberi peluang kepada pelajar mengetahui sejarah bangsa dan dapat menikmati genre drama yang jarang-jarang ditemui dalam karya sastra Tamil. Drama ini turut menekankan bahawa sifat keunggulan dari segi pegangan nilai dan prinsip hidup akan menjadikan seseorang itu unik dan istimewa.

Oleh sebab itu, bahan-bahan sastra yang dipilih sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Tamil di peringkat sekolah menengah adalah bertujuan untuk merealisasikan objektif dan falsafah pendidikan negara bagi melahirkan generasi negara yang bersikap sempurna berasaskan nilai murni bagi membentuk sahsiah yang mulia. Unsur-unsur estetik yang dihayati dalam novel-novel sastra boleh dijadikan sebagai perangsang bagi mencetuskan pemikiran kritis mengenai persoalan dan isu moral. Sebenarnya, perkara ini dapat membantu usaha membentuk sifat keperibadian yang mulia dan positif untuk melahirkan generasi yang matang, berfikiran rasional dan bersahsiah mulia.

Pada masa yang sama, kesusasteraan Tamil sebagai komponen sastra dalam pendidikan menengah dapat meningkatkan minat membaca dalam kalangan pelajar-pelajar. Hal Ini juga boleh membantu pelajar-pelajar untuk membuat rasionalisasi, mengkritik dan menilai aspek-aspek karya sastra dan meningkatkan





kemahiran membaca, di samping memahami dan mengintegrasikan nilai moral dalam karya sastra Tamil dalam pembentukan sahsiah pelajar.

Karya sastra novel, terutama *Agal Vilaku*, lebih berfokus kepada pengamalan nilai-nilai murni dan persahabatan yang bersifat setiakawan. Sebenarnya, novel ini boleh memainkan kedua-dua peranan, pembentukan sahsiah dan keperibadian serta cara menjalinkan persahabatan yang mulia dalam kalangan pelajar-pelajar peringkat sekolah menengah kerana pengkaji berpendapat bahawa sahsiah pelajar-pelajar, khususnya di peringkat sekolah menengah, semakin merosot dan sangat membimbangkan semua pihak akibat dorongan-dorongan luaran yang mudah memosongkan golongan remaja ini. Selain itu, para pelajar yang kurang memahami nilai setiakawan sering menjadi mangsa pihak tertentu yang memerangkap mereka sebagai sahabat lalu salah mempergunakan pelajar ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Novel sastra Tamil banyak mengandungi aspek penulisan yang mementingkan pemupukan sifat kerohanian dan amalan akhlak yang baik. Tindak-tanduk pelbagai watak berupa anak muda, wanita, suami-isteri, sahabat, anggota keluarga dan ahli masyarakat yang menghadapi masalah-masalah yang menghimpitkan diri mereka telah berjaya diatasi segalanya secara rasional boleh menjadi pedoman dan sumber inspirasi kepada pelajar yang turut menghadapi masalah sedemikian dalam kehidupan mereka. Pada masa yang sama, nilai-nilai tradisi, kekeluargaan dan sosial serta norma-norma kaum India di samping sejarah kaum Tamil yang terpapar dan





diutarakan secara jelas dalam karya-karya sastera membolehkan generasi muda mengenali, memahami dan menghayatinya dalam kehidupan mereka.

Kini, terlalu banyak masalah disiplin yang tercetus dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah sering diperkatakan masyarakat dan media massa. Isu-isu ini meruncing dan merisaukan pihak ibu bapa, keluarga, masyarakat, sekolah dan juga negara. Anak bangsa masa ini merupakan penentu masa depan negara. Akhlak dan perlakuan pelajar-pelajar inilah yang bakal menentukan imej negara dan akhlak rakyat yang bermoral tinggi. Justeru, pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan individu yang bermoral tinggi. Pemupukan nilai bukan sahaja dapat dilakukan melalui mata pelajaran Pendidikan Moral malah turut boleh diterapkan melalui mata pelajaran lain di samping semasa aktiviti di luar bilik darjah.



Seterusnya, usaha pemupukan nilai melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) adalah selaras dengan prinsip Rukun Negara. Nilai murni yang dimaksudkan dalam KBSM ialah nilai kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan. Tujuan utama pemupukan nilai murni sebagaimana digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (1990) adalah menanam sikap kesedaran, kefahaman, keyakinan diri dan kesyukuran. Pada masa yang sama, pemupukan nilai murni juga adalah untuk menanam semangat cinta akan nilai-nilai murni dan positif selain menekankan aspek menghormati kebaikan dan membenci keburukan. Usaha pemupukan nilai murni juga banyak membawa kebaikan kepada agama dan bangsa serta menghapuskan sikap negatif dalam kehidupan para pembaca.





Pendidikan negara bermatlamat untuk melahirkan rakyat Malaysia yang sempurna dan mempunyai nilai murni seperti kepercayaan kepada tuhan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, setia terhadap negara dan memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang bangsa. Sememangnya, karya sastera dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran mencapai matlamat murni ini.

Secara umumnya, nilai-nilai murni sentiasa diterapkan secara implisit atau eksplisit menerusi karya-karya sastera. Dalam kajian ini, nilai-nilai murni yang dinyatakan dalam sukatan Mata pelajaran Pendidikan Moral SPM telah didapati terterap dalam teks kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020. Sebenarnya, teks kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020 bertaburan dengan pelbagai nilai yang berhubung kait dengan segala aspek kehidupan manusia.



Agal Vilaku merupakan novel yang sangat penting dalam sukatan pelajaran kesusasteraan Tamil Tingkatan Lima. Novel ini merupakan sebuah karya yang termuat dengan nilai-nilai berkaitan dengan perkembangan diri individu, keluarga dan masyarakat. Oleh itu, nilai-nilai murni dalam novel ini wajar dihayati oleh semua pelajar di sekolah menengah supaya mereka dapat memupuk nilai moral yang sama dalam kehidupan mereka. Sehingga kini belum ada sebarang kajian dilakukan oleh mana-mana pihak untuk meninjau nilai-nilai murni yang terkandung dalam teks kesusasteraan Tamil SPM. Sebenarnya, *Agal Vilaku* ialah sebuah teks kesusasteraan Tamil SPM yang kaya dengan nilai-nilai murni yang menjadi asas untuk memperkukuh sahsiah diri individu di samping hubungan persahabatan, kekeluargaan dan kemasyarakatan demi melahirkan individu, dan anggota keluarga dan masyarakat yang bermoral, sejahtera dan harmoni.





Di samping itu, drama *Kavichakkaravarti* termuat dengan kisah penyair yang tersohor dan disanjung yang menonjolkan keunggulan diri dengan memaparkan pelbagai nilai murni yang unik yang dapat mengkagumi para pembaca. Selain itu, ketohohan para penyair boleh menanam perasaan menghormati dan menyayangi para ilmunan dan guru-guru yang memperlihatkan ketohohan masing-masing serta mencintai sebarang bahasa, terutama bahasa ibunda. Seterusnya, karya ini juga memaparkan watak-watak yang mengamalkan pelbagai nilai murni yang menekankan tindakan adil, kesederhanaan dan hemah tinggi dalam menempuh pelbagai pancaroba kehidupan. Nilai-nilai ini turut boleh tertanam dalam diri pembaca, terutama para pelajar. Akhir sekali, drama ini juga menonjolkan nilai kesetiaan dan patriotisme yang harus dipupuk dalam kalangan pelajar kita. Sebenarnya, perwatakan dan nilai-nilai yang termuat dalam karya drama ini berjaya mencerminkan kesemua prinsip Rukun



Negara yang menjadi falsafah pegangan rakyat Malaysia.

Oleh itu, pengkaji yang mengambil kira kesemua aspek tersebut, mengambil keputusan untuk membuat kajian terhadap novel *Agal Vilakku* karya M.Varatharasan dan drama *Kavichakkaravarti* karya K.Azhagirisaamy yang ditetapkan sebagai teks kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020 untuk meninjau nilai-nilai murni yang terdapat dalam karya tersebut.

Banyak nilai moral didapati tersurat dan tersirat dalam teks kesusasteraan Tamil ini. Nilai-nilai murni ini wajar diketahui oleh pelajar-pelajar di peringkat pendidikan menengah, khususnya Tingkatan Lima untuk membolehkan mereka menyiapkan diri untuk mengharungi alam keremajaan lalu terus melangkah ke alam kedewasaan yang memerlukan akhlak dan sifat moral yang tinggi.





Dalam kajian ini, pengkaji akan menerangkan secara terperinci nilai-nilai murni yang terkandung dalam teks kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020 yang selaras dengan sukatan pelajaran pendidikan moral tingkatan lima, khususnya perkembangan diri individu. Nilai-nilai murni ini akan dijelaskan dengan terperinci supaya pelajar-pelajar menghayati nilai-nilai murni ini lalu menerapkan dalam perkembangan diri sendiri, terutama pemupukan sahsiah.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini menjurus kepada objektif seperti berikut.

1. Mengenal pasti nilai-nilai murni dalam teks prosa kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020.
2. Menganalisis unsur pengajaran yang terdapat dalam teks prosa kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020.
3. Mengaitkan peranan nilai murni dalam teks prosa kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020 dalam pembentukan sahsiah mulia dalam kalangan pelajar.

1.5 Soalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut.

1. Apakah nilai-nilai murni yang terkandung dalam teks prosa kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020?





2. Apakah unsur pengajaran yang terdapat dalam teks prosa kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020?
3. Bagaimanakah peranan nilai-nilai murni dalam teks prosa kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020 dalam pembentukan sahsiah mulia dalam kalangan pelajar.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini menekankan kepentingan menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah menengah, khususnya di Tingkatan Lima. Nilai-nilai murni yang dikesan diharap dapat diterapkan demi membentuk sahsiah pelajar.



nilai-nilai murni dalam teks prosa kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020 yang membawa kesan ketara kepada pengkaji dan pembaca. Teks kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020 sama seperti karya sastera lain sangat kaya dengan nilai-nilai murni. Kedua-dua karya ini menonjolkan pelbagai nilai murni yang mendorong perkembangan diri dan sahsiah para pelajar. Kajian yang terperinci terhadap aspek-aspek ini menyakinkan pengkaji bahawa sekiranya nilai-nilai murni tersebut diperinci dan dijelaskan dengan baik, pelbagai masalah dan isu disiplin dalam kalangan pelajar sekolah menengah tentu dapat dibendung secara berkesan.

Kajian ini juga bertujuan untuk memberi pengajaran kepada pembaca kerana pengkaji yakin dapat menyedarkan para pelajar tentang kepentingan dan kegunaan nilai-nilai murni dalam karya sastera Tamil, terutama novel dan drama yang dikaji





dalam kehidupan seharian mereka. Di samping itu, pembaca juga dapat meningkatkan kemampuan membuat penaaakulan secara kritis dan empirikal dengan mengenali dan memahami nilai-nilai murni tersebut dengan benar-benar.

Kajian terhadap nilai-nilai murni dalam teks kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020 juga diharapkan akan menjadi rujukan kepada semua pengkaji yang ingin membuat kajian susulan untuk mengenal pasti dan menampilkan novel-novel Tamil yang lain yang termuat dengan nilai-nilai murni.

Seterusnya, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi pendedahan dan kesedaran mengenai nilai-nilai murni yang terdapat dalam teks kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020 untuk memastikan pelajar-pelajar di peringkat pendidikan menengah memupuk nilai-nilai murni lalu membentuk sahsiah yang positif dan mulia sebelum melangkah ke alam pendidikan yang tinggi dan sebagai bekalan bagi permulaan kehidupan dewasa.

Selain itu, penerapan nilai-nilai murni ini dapat membantu para pelajar lepasan SPM bagi mengenal pasti amalan-amalan positif dan nilai-nilai murni yang penting untuk mengatur perjalanan kehidupan diri mereka dalam menghadapi cabaran-cabaran duniawi yang penuh pancaroba.

Akhir sekali, amalan-amalan positif dan nilai-nilai murni yang terkandung dalam karya sastera turut dapat membantu guru-guru melatih para pelajar membentuk keperibadian yang mulia, berfikiran positif dan memiliki sifat rohani, fizikal dan emosi yang mantap. Oleh sebab itu, karya sasera seperti novel dan drama dapat





dijadikan sebagai contoh karya sastra yang sesuai untuk menerangkan kepentingan amalan moral dan nilai-nilai murni ketika mengharungi pelbagai cabaran, rintangan dan kerumitan demi menjalani kehidupan yang sejahtera, bahagia dan sempurna.

1.7 Batasan Kajian

Kajian yang bertajuk *Nilai-nilai Murni dalam Teks Kesusasteraan Tamil SPM 2016* mempunyai beberapa batasan. Walaupun teks kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020 sebenarnya terdiri daripada novel *Agal Vilakku*, drama *Kavichakkaravarti* dan sekumpulan sajak yang boleh meluaskan skop kajian, namun pengkaji telah membataskan fokusnya kepada novel *Agal Vilakku* dan drama *Kavichakkaravarti* sahaja. Selain itu, skop nilai-nilai murni juga begitu luas. Oleh yang demikian, nilai-nilai murni yang dikaji juga dihadkan kepada nilai-nilai moral yang digariskan dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Moral SPM sebagai pengukuran dalam menjelaskan nilai-nilai murni yang terdapat dalam teks kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020.

Selain itu, sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM Tingkatan Lima mengandungi sebanyak 36 nilai moral yang berkaitan dengan tujuh bidang seperti perkembangan diri, kekeluargaan, alam sekitar, patriotisme, hak asasi manusia, demokrasi, serta keamanan dan keharmonian. Oleh sebab bidang-bidang pembelajaran dalam Pendidikan Moral Tingkatan 5 ini terlalu luas skopnya dan bilangan nilai moral yang ditentukan pun terlalu banyak, pengkaji telah membataskan kajiannya kepada nilai-nilai moral yang berkaitan dengan perkembangan diri sahaja.





Oleh itu, pengkaji memfokuskan kajian ini pada 12 nilai yang berkaitan dengan perkembangan diri terdiri seperti kepercayaan kepada Tuhan, amanah, harga diri, bertanggungjawab, hemah tinggi, toleransi, berdikari, kerajinan, kasih sayang, keadilan, rasional dan kesederhanaan sahaja. Pengkaji mengehendkan kajiannya atas nilai-nilai berkaitan dengan perkembangan diri sahaja kerana berhubung rapat dengan pemupukan sahsiah pelajar serta tujuan ketiga kajian ini, iaitu mengaitkan nilai murni dalam teks kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020 dengan pembentukan sahsiah mulia dalam kalangan pelajar.

1.8 Sumber Kajian



Dalam kajian yang bertajuk *Nilai-nilai Murni dalam Teks Kesusasteraan Tamil SPM 2016* ini, sumber pertama ialah sumber premier yang terdiri daripada teks kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020. Teks kesusasteraan Tamil ini merangkumi novel *Agal Vilakku* karya M.Varatharasan dan drama *Kavichakkaravarti* karya K.Azhagirisaamy sahaja. Sumber kedua ialah sumber sekunder yang bertindak sebagai landasan untuk melaksanakan kajian ini. Sumber sekunder ini terdiri daripada buku-buku berkaitan dengan teori serta novel dan drama. Di samping itu, penulisan ilmiah, artikel, jurnal dan artikel kritikan serta buku-buku berkaitan dengan kesusasteraan Tamil , bahan-bahan internet dan bahan-bahan rujukan lain daripada sumber yang sah juga turut digunakan untuk melengkapkan kajian ini.





Pengkaji menjadikan Perpustakaan Universiti Perguruan Sultan Idris dan Perpustakaan Utama Universiti Malaya sebagai perpustakaan utama membuat rujukan. Selain itu, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Ipoh, Perbadanan Perpustakaan Awam, Negeri Perak, Tambun dan Perpustakaan *Muththamil- Pathippakam* (Perpustakaan Khas bagi Buku-Buku Tamil di Sentul) Kuala Lumpur turut dikunjungi. Di perpustakaan ini, rujukan definisi istilah yang terdapat dalam tajuk kajian dibuat berdasarkan kajian dan penulisan sarjana-sarjana yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji di samping mengumpul bahan-bahan utama yang lama dan baru yang berguna untuk kajian ini.



Dalam kajian ini terdapat beberapa perkataan atau istilah yang perlu difahami oleh pembaca. Pengkaji telah menyenaraikan beberapa istilah serta definisi konsep bagi memudahkan pembaca untuk memahami setiap istilah tersebut.

1.9.1 Nilai Murni

Nilai murni adalah bermaksud sifat luhur. Menurut Ahmad Bin Said (1990), nilai bermaksud mutu, faedah, kepentingan, dan penilaian suatu tingkah laku, pegangan, amalan, aktiviti dan objek. Nilai ialah komponen dalam sistem kepercayaan. Nilai





wujud sebagai hasil pertimbangan dan penilaian akal fikiran dan perasaan mengenai suatu keadaan atau fenomena (Rohaida, 2003).

Mengikut Kamus Sastera Melayu terkini (2003), nilai bermaksud suatu perbuatan atau tingkah laku yang digemari atau dibenci. Kata nilai menyentuh perihai perasaan dalaman yang diperihalkan oleh individu melalui tingkah lakunya. Perasaan dalaman yang ditunjukkan menerusi tingkah laku individu itu ialah penzahiran nilai daripada idea mengenai suatu kepercayaan, faedah, perkara atau fenomena yang memberi pengaruh kepada diri seseorang.

1.9.2 Novel



Novel ialah salah satu genre sastera yang paling popular dalam kalangan pembaca sekarang. Kata ‘novel’ berasal daripada kata Itali *novella* yang membawa maksud sesuatu yang baru, berita atau sesebuah cereka yang bercorak baru. Menurut Hashim Awang (1984), novel ialah karya fiksiyen yang panjang. Dengan erti kata lain, novel ialah karangan berbentuk cereka, iaitu cerita rekaan yang dikarang dalam bentuk prosa. Oleh itu, novel dikategorikan sebagai prosa naratif (Rahman Shaari, 2001). Novel biasanya mengisahkan kisah seseorang watak utama yang diiringi beberapa watak sampingan. Watak-watak tersebut pula dipaparkan kepada pembacanya dengan menggabungkan latar, plot, teknik plot dan unsur-unsur fiksiyen lain di samping daya rasa, kepekaan dan keprihatinan penulis terhadap apa-apa yang diamati dan dialami oleh masyarakat. Watak-watak ini akan memaparkan pelbagai perasaan. Plot atau susunan ceritanya adalah berdasarkan aspek permulaan, perkembangan, konflik, kemuncak dan peleraian yang akan menyelitikan





aspek persoalan, nilai, pengajaran dan mesej yang menyentuh hati nurani pembacanya.

1.9.3 Drama

Drama juga termasuk dalam genre sastera. Kata ‘drama’ berasal daripada kata Greek *dran* yang bermaksud tindakan atau melakukan. Kata drama dikenali sebagai sandiwara dan lakonan dalam bahasa Melayu. Drama diertikan sebagai komposisi yang biasanya dalam prosa, menceritakan kisah yang diwakili oleh pelakon yang menyamar sebagai watak-watak dan bercakap dialog (Globse). Sebenarnya, drama membawa gambaran hidup manusia yang dicipta oleh pengarang melalui daya imaginasi, fantasi, pengalaman hidup dan fakta sejarah. Berbeza dengan genre sastera yang lain, drama dihasilkan bukan untuk dibaca, tetapi bertujuan untuk dipentaskan.

1.9.4 Teks Kesusasteraan Tamil SPM

Terdapat tiga buah buku teks bagi mata pelajaran kesusasteraan Tamil SPM, merangkumi Tingkatan Empat dan Tingkatan lima. Antaranya adalah novel bertajuk *Agal Vilakku*, karya M.Varatharasan drama *Kavichakkaravarti* karya K.Azhagirisaamy, dan puisi Kavithai Thoguppu. Pengkaji telah memilih novel *Agal*





Vilakku, dan drama *Kavichakkaravarti* sebagai sumber kajian. Ketiga-tiga teks kesusasteraan Tamil SPM akan di gunakan dari tahun 2016-2020

1.10 Kesimpulan

Kajian bertajuk *Nilai-nilai Murni dalam Teks Kesusasteraan Tamil SPM 2016* ini, memberi tumpuan kepada nilai-nilai murni dalam teks kesusasteraan Tamil SPM 2016-2020 dalam pembentukan sahsiah dalam kalangan pelajar, khususnya pelajar-pelajar di sekolah menengah. Nilai-nilai murni yang dicungkilkan dalam kajian ialah nilai-nilai berkaitan dengan perkembangan diri yang digariskan oleh Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan 5. Nilai murni dapat memupuk, menyemai serta melahirkan manusia yang berketerampilan dan seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan akhlak yang seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab.

Di samping itu, bab 1 ini turut membincangkan tujuan, kepentingan, latar belakang, batasan dan sumber kajian. Selain itu, pengkaji juga turut menghuraikan konsep nilai murni, novel dan drama yang digunakan dalam kajian ini.

